

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

HKT 202 Kritikan Sastera

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi SEMBILAN (9) soalan dalam LIMA (5) muka surat

Jawab EMPAT (4) soalan, sekurang-kurangnya SATU (1) soalan daripada tiap-tiap Bahagian A, B dan C. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

**BAHAGIAN A**

1. Tulisan M.H. Abrams 'Orientation of Critical Theories' dapat dianggap sebagai satu pengantar yang mantap bagi merumuskan sifat-sifat berbagai teori kritikan sastera. Bicarakan dengan jelas kandungan karya tersebut.
2. Sigmund Freud di dalam tulisannya, 'Creative writers and day-dreaming' menyatakan bahawa sebuah karya sastera 'adalah seperti mimpi di siang hari, satu kesinambungan dari dan gantian bagi, apa yang dahulunya adalah permainan bagi seorang kanak-kanak kecil.' Bincangkan dengan kritis.
3. Teori-teori struktural pada dasarnya mengemukakan wawasan bahawa sebuah karya itu adalah satu 'heterocosm', iaitu sebagai satu dunia tersendiri, bebas daripada anasir-anasir di luar dirinya. Bincangkan.

**BAHAGIAN B**

4. Adalah tidak tepat untuk meletakkan pendekatan Islam mengenai kritikan sastera itu ke dalam mana-mana teori Barat. Ini kerana Islam mempunyai dasar penilaiannya yang tersendiri terhadap benda-benda. Berdasarkan satu skema berajah (diagramatic scheme) perlihatkan kebenaran kenyataan di atas.

5. Syed Ali Ashraf di dalam 'Islamic Principles and Methods in the teaching of Literature' menyatakan bahawa seorang pengkritik perlu "discern the depth of writings according to the ability of the authors to go beyond the superficial, the social and individual circumstances and penetrate into the realms of reality." Bincangkan.
6. Pendekatan-pendekatan yang paling ketara wujud di dalam perkembangan kritikan sastera di Malaysia adalah pendekatan-pendekatan sosiologi dan formalistik. Bicarakan sifat-sifat salah satu daripada pendekatan-pendekatan di atas seperti yang diamalkan di Malaysia.

#### **BAHAGIAN C**

7. Baca sajak yang dilampirkan dan dengan menggunakan pendekatan tipainduk buat kritikan mengenainya.
8. Perkembangan kesusasteraan Melayu mutakhir memperlihatkan kemunculan novel-novel yang mengemukakan nilai-nilai Islam. Pilih salah satu daripada novel-novel dari golongan ini dan buat satu kritikan mengenainya.
9. Pilih salah satu daripada cerpen-cerpen yang telah dikaji dan beri kritikan terhadapnya berdasarkan pendekatan psikologi atau pendekatan formalistik.

LAMPIRAN

MUKADIMAH

"Hamba dengar ada hikayat  
Melayu dibawa orang dari Goa;  
barang kita perbaiki kiranya  
dengan istiadatnya supaya  
diketahui oleh segala anak cucu  
kita yang kemudian daripada  
kita, dan boleh diingatkannya  
oleh segala mereka itu, syahadan  
adalah beroleh faedah ia  
daripadanya."

mamak bendahara tun mamat  
perbuatlah tuan hamba sejarah kita,  
sejarah melayu dan seluruh pulau-pulaunya,  
bawalah kita kembali ke siguntang yang tinggi  
ke samudera di seberang,  
jawa di tenggara, bugis di perahu laut,  
kepada rakyat di sawah, hutan dan pasir.

tuan hamba ialah pujangga,  
tugasnya berat, semuanya mesti dijaga,  
bahasa dan urutan peristiwa,  
kebesaran negeri dan hati kecil manusia,  
tapi yang amat agung,  
perkatakanlah yang benar,  
kerana kebenaran itu isi sejarah,  
pembetul raja dan pengingat orang lupa,  
petunjuk yang lurus  
dan tiada patah di bawah pukulan.

tulislah sejarah untuk anak cucu kita  
ceritakan bagaimana kita hidup di zaman ini  
dan bagaimana bapa dan moyang kita  
memerintah negeri dan membajak tanah.

kisahkanlah semuanya,  
supaya mereka akan bangga dengan kebanggaan kita,  
lukislah kota dan bagan, dusun dan pelabuhan,  
hutan di gunung, sungai di lembah.  
dengan dakwat tuan hamba  
berilah warna pada baik dan buruk,  
hati bersih dan busuk,  
garislah di kertas urat-urat waktu,  
tarikannya ke puncak muka surat  
apabila kita besar dan sedar,  
kendurkannya di masa kita menyerah  
dan lupakan akan makna megah.

penuhkan selat dengan air,  
yang membersihkan ruyung negeri,  
berilah penghormatan kepada lautan  
yang menatang kita ke sini,  
membuka dan meramaikan pasar,  
menarik jong dan tongkang dari china,  
memberi ruang kepada keling dan kainnya  
dan feringgi yang kagum dengan tamadun melaka,

cereteralah tentang manusianya,  
raja-raja di istana  
pendahara dengan kebijaksanaan mereka,  
bentara gagah dan setia,  
pererangan yang diapungkan di muka laut  
atau di pantai-pantai samudera,  
ukir dengan bahasa halus tuan hamba  
kecantikan puteri melayu  
yang tiada bandingnya di zaman itu.

perkatakanlah keadilan  
raja, putera atau menteri,  
tunjukkan dengan bukti  
bagaimana kebesaran dan daulat  
tumbuh dari air saksama,  
dan air yang dicurah racun fitnah,  
dikeruhkan oleh bayang-bayang  
raja atau menteri-menteri  
yang bercermin diri,  
akan membunuh sekaliannya,  
mereputkan lantai istana,  
mematahkan tiang singgahsana  
dan mengalir ke perigi rakyat  
di kota atau di kampung jauh.

dan mamak bendahara harap jangan lupa  
akan bayang emas yang selalu bersinar  
di mata datuk-datuk beta  
serta orangkaya di balainya,  
dengan segala upaya tuan hamba  
lukislah betapa kuasa itu seperti kabus  
cepat hilang dan menyisih,  
yang perlu ialah sungai, air yang bertentu,  
kasih sayang akan rakyat  
dan tanggungjawab yang mengalir  
dengan hak rasanya.

### CERETERA YANG KETIGA PULUH EMPAT

*"Maka Melaka pun alahlah, dinaiki oleh feringgi dari ujung balai, tiba-tiba lalu ke dalam."*

telah lama alah melaka ini  
feringgi hanya pemecah terakhir  
pada negeri yang diretakkan  
oleh biaperi dan orang besar-besarnya  
bukit istana diusung ke parit oleh zalimnya  
yang tak tertebus pada tujuh keturunan.

musuh kita ialah kita sendiri  
undang-undang dilenturkan untuk pilihan raja,  
itulah peraturannya.  
tanpa musuh luar, di laut atau parit  
kita telah pun alah  
oleh bahagian diri yang kita biarkan busuk.

negeri telah dirubahkan  
untuk senang sebentar,  
si rakus riang menjual tanah  
kepada musuh yang menyediakan emas  
dan akhirnya kita serahkan sejarah  
kepada saudagar dan feringgi biadab.

di muka rakyat  
di pusat semangatnya  
di dasar kebanggaan bangsanya  
tertanggung malu dan kekecilan.  
rajanya telah lari  
di manakah tuju rakyatnya?

pelabuhan tiada berkapal  
pasar sepi  
istana runtuh  
kampung surut ke selatan  
padi tidak berambil di sawah  
dusun dinaiki selaput tunggul.

di akhir sejarah ini  
tidak mungkin kita menang melawan diri sendiri  
kosong selat melayu  
sarap zaman menunggu surutnya  
tanah di air mengeruh sungai  
pergaduhan, mimpi dan kebanggaan di bawa banjir waktu.